

APLIKASI E- TAJWID YADUN: INOVASI DALAM PEMBELAJARAN TAJWID

Hamir Hamzah Jaafar

Universiti Malaysia Pahang

syuhasha@yahoo.com

Mohamad Hilmi Mat Said

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

hilmi@ump.edu.my

Abstract

E-tajwid yadun is a mobile application developed to learn tajwid knowledge more effectively using smartphones that are easy to operate and carry anywhere. The application involves a combination of multimedia elements and creative elements of hand or Yadun graphics (Yadun is derived from the Arabic word for hand). E-tajwid is a more interactive self-learning environment that can provide a deeper understanding and enhance students' memory of the law of tajwid easily and quickly. The development of E-tajwid consists of five phases namely the theoretical study and information gathering, model development, prototype design, prototype development and evaluation. It is hoped that the development of E-tajwid can be one of the new techniques for mastering tajwid knowledge, especially for students and generally for Muslims who allow them to read the Quran aloud.

Keywords: E-Tajwid Yadun, Innovation, Fast and furious,

Abstrak

E-tajwid yadun adalah aplikasi mudah alih yang dibangunkan untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih praktikal menggunakan telefon pintar yang boleh dikendalikan dengan mudah dan dibawa kemana sahaja. Aplikasi ini melibatkan gabungan elemen multimedia dan elemen kreatif grafik model tangan atau Yadun (Yadun diambil dari perkataan Bahasa Arab yang bermaksud tangan). E-tajwid yadun mewujudkan persekitaran pembelajaran sendiri yang lebih interaktif dan boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam serta meningkatkan lagi daya ingatan pelajar tentang hukum tajwid dengan mudah dan pantas. Pembangunan E-tajwid yadun melibatkan lima fasa iaitu kajian secara teori dan pengumpulan maklumat, pembangunan model, rekabentuk prototaip, pembangunan dan penilaian prototaip. Diharapkan dengan pembangunan E-tajwid yadun dapat menjadi salah satu teknik baru yang boleh digunakan untuk menguasai ilmu tajwid, khususnya pelajar dan umumnya untuk orang Islam yang membolehkan mereka membaca al-Quran secara bertajwid.

Kata Kunci: E-Tajwid Yadun, Inovasi, Cepat dan Pantas, multimedia.

Pengenalan

Perkembangan teknologi pada masa kini, telah merubah corak, konsep dan gaya kehidupan manusia. Keadaan ini turut berlaku dalam pembelajaran al-Quran. Pembelajaran al-Quran masa kini telah menggunakan pelbagai kaedah yang berbeza antaranya penggunaan siaran televisyen, CD video atau aplikasi yang dipasang di dalam komputer atau telefon pintar. Fenomena ini merupakan sesuatu yang baik kerana akan menggalakkan lebih ramai orang muslim membaca al-Quran. Namun begitu, membaca al-Quran tanpa pengetahuan ilmu tajwid, akan mendorong seseorang cenderung melakukan kesilapan semasa membacanya (Fadzil Ahmad, 2018). Oleh itu mempelajari tajwid adalah sangat penting untuk memastikan tidak ada kesilapan semasa membaca al-Quran. Ilmu tajwid hendaklah dipelajari dengan kaedah dan teknik yang baik seperti Talaqqi dan Musyafahah yang melibatkan proses pembelajaran bersemuka, dimana pelajar membaca di hadapan guru sambil guru mendengar dan meneliti bacaan pelajar (Ashraf Ismail et.al, 2019). Kaedah tradisional ini boleh meningkatkan mutu bacaan yang menepati hukum tajwid kerana adanya proses *chek and re-chek* antara pelajar dengan guru. Namun kaedah pengajaran yang diamalkan sekian lama ini perlu ditambah baik kerana hanya boleh dilaksanakan dengan beberapa orang pelajar dalam satu sesi pembelajaran dan kurang disukai oleh pelajar (Herry, 2013). Pendekatan yang terkini dan praktikal bagi pelajar generasi Z untuk mempelajari tajwid perlu diperkenalkan berdasarkan tuntutan keperluan pendidikan masa kini (Khariah et.al, 2015). Saidina Ali r.a pernah berkata;

“Didiklah anak-anak kamu mengikut zamannya”

Maka penggunaan aplikasi E-tajwid yadun dalam usaha meningkatkan penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar di sekolah menengah perlu dilaksanakan dalam pembelajaran bagi membantu mereka menguasai ilmu tajwid dengan menggunakan teknologi yang ada pada masa kini.

E-Tajwid Yadun

E-tajwid yadun mengaplikasikan inovasi yang bukan hanya menggunakan elemen multimedia seperti teks, grafik, dan audio dalam menerangkan hukum tajwid tetapi dikombinasikan dengan elemen kreativiti grafik model tangan atau yadun (diambil dari perkataan Bahasa Arab yang bermaksud tangan) untuk memudahkan pelajar mengingat nama-nama hukum tajwid yang melibatkan nun sakinah dan tanwin. Penerapan kaedah mnemonik dengan membayangkan jari-

jari tangan kepada nama hukum, taburan huruf dan cara bacaan hukum tajwid akan memudahkan pelajar mengingati keseluruhan kemahiran yang melibatkan hukum nun sakinah dan tanwin. Menurut Maizan binti Mat@Muhammad (2017), kaedah mnemonik memacu ingatan untuk mengingati fakta-fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat dan data sedia ada yang lebih ringkas dan mudah. Penggunaan grafik model tangan dalam aplikasi E-tajwid yadun yang dibahagikan kepada tiga tahap pembelajaran boleh membantu pelajar untuk mengingati isi pelajaran dengan lebih ringkas dan mudah.

E-tajwid yadun berkonsepkan pembelajaran sendiri, mampu membantu pelajar untuk mengenali hukum nun sakinah dan tanwin yang terdiri daripada Ikhfak Haqiqi, Izhar Halqi, Iklab, Idgham Maal Ghunnah dan Idgham Bila Ghunnah secara interaktif dengan mudah dan pantas. Penggunaan elemen kreativiti grafik model tangan di dalam E-tajwid yadun adalah satu inovasi untuk menarik minat dan memudahkan kefahaman pelajar dalam mempelajari hukum nun sakinah dan tanwin. Dengan penggunaan E-Tajwid Yadun ini pelajar akan lebih bermotivasi untuk memahami dan mengingati hukum nun sakinah dan tanwin dengan lebih baik. Masalah murid yang sering lupa dan keliru mengenai hukum nun sakinah dan tanwin dapat diatasi dengan proaktif apabila menggunakan E-tajwid yadun. Inovasi ini menunjukkan bahawa sumber teknologi digital yang digunakan dengan kreatif oleh guru dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan dan mampu menjadi penyelesaian bagi masalah penguasaan tajwid pelajar melalui pembelajaran maya semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kepentingan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Penggunaan multimedia dalam pendidikan mempunyai kekuatan untuk berfungsi secara dinamik dalam pelbagai aspek program pendidikan bagi memenuhi keperluan abad ke 21. Hofstetter (1995), menyatakan multimedia merupakan persembahan yang menggabungkan teks, grafik, audio dan video yang membolehkan pengguna mengarah, mereka cipta, berinteraksi dan berkomunikasi dengan komputer. Pandangan Azura et al. (2009), multimedia adalah satu kaedah atau media penyampaian guru kepada para pelajar untuk mempersembahkan sesuatu maklumat. Ini menjadikan multimedia sebagai satu medium alternatif yang utama dalam penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik untuk memotivasikan minat dan mewujudkan daya tarikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kelebihan multimedia adalah (Heinich et al., 1996)

- i. Sesuatu maklumat boleh disampaikan dengan lebih efektif kerana penggunaan pelbagai media.
- ii. Mampu meningkatkan kreativiti pelajar melalui pembelajaran yang bersifat penyelesaian masalah dan penilaian berasaskan keupayaan.
- iii. Mengekalkan maklumat yang diperolehi dalam jangka masa yang panjang dan boleh dicapai kembali dengan pantas berbanding kaedah pengajaran tradisi.
- iv. Elemen-elemen multimedia menyokong penggunaan pelbagai sensor (multi-sensory) serta mampu merangsangkan penggunaan pelbagai deria manusia.
- v. Pelajar tidak akan mudah merasa bosan dan dapat menarik minat mereka untuk terus memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran

Oleh hal demikian, pembangunan aplikasi E-tajwid yadun yang menggunakan teknologi multimedia dapat menyokong dan mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran tajwid dan boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pedagogi dalam proses pengajaran dan pembelajaran samada di sekolah atau luar waktu persekolahan.

Metodologi


Reka bentuk yang digunakan untuk membangunkan E-tajwid yadun mempunyai lima fasa iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian.

Fasa 1: Analisis

Pada peringkat ini rujukan kepada kajian sedia ada berkaitan dengan pembangunan e-pembelajaran tajwid daripada jurnal, kajian akedemik dan buku serta perbandingan antara aplikasi yang sedia ada yang menggunakan teknologi mudah alih dalam pembelajaran tajwid. Aplikasi E-tajwid yadun hanya memberi tumpuan kepada asas tajwid yang terdiri daripada hukum Nun Sakinah dan Tanwin sahaja. Pengumpulan maklumat yang mantap amat penting untuk melihat kelompongan atau kelemahan aplikasi pembelajaran tajwid yang sedia ada dan dapat menguji samaaada E-tajwid yadun mampu menambah baik proses pengajaran dan pembelajarn tajwid.

Fasa 2: Rekabentuk

Dalam fasa ini segala maklumat E-tajwid yadun akan disusun dan direkabentuk secara keseluruhan. Penentuan isi kandungan, paparan grafik, animasi, butang dan audio akan dipaparkan dalam gambarajah. Ini bertujuan agar setiap fungsi yang terdapat dalam aplikasi boleh digunakan dari awal hingga akhir.



Rajah 1: Model gambarajah rekabentuk E-tajwid Yadun

Fasa 3: Pembangunan





Proses pembangunan dilakukan berdasarkan papan cerita yang telah dirangka semasa fasa rekabentuk. Beberapa perisian telah dikenal pasti untuk digunakan bagi membangunkan E-tajwid yadun seperti Adobe Flash CS6, Audacity, Actionscript 3.0 dan Adobe Photoshop CS6. Jadual 1 menunjukkan keperluan perisian untuk E-tajwid yadun.

Perisian	Keterangan
Adobe Flash CS6	Perisian yang digunakan untuk membuat animasi yang lebih interaktif
Audacity	Perisian yang digunakan untuk menyunting audio rakaman bacaan hukum tajwid
Actionscript 3.0	Bahasa pemrograman dalam aplikasi Adobe Flash
Adobe Photoshop CS6	Perisian yang digunakan untuk membuat grafik

Jadual 1: Keperluan Perisian

Fasa 4: Perlaksanaan

Hasil daripada proses pembangunan, aplikasi E-tajwid yadun akan dipersembahkan kepada pengguna untuk diuji keberkesanan dan melihat masalah yang tidak diketahui semasa fasa reka bentuk dan pembangunan. Fasa ini penting untuk memastikan aplikasi dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Ujian dijalankan untuk memastikan aplikasi yang dibangunkan tidak mengalami sebarang masalah. Segala cadangan daripada pengguna akan dianalisis semula untuk penambahbaikan sebelum aplikasi ini siap sepenuhnya dan boleh digunapakai oleh pengguna.

 <p>Paparan Loding Apps E-tajwid YADUN</p>	 <p>Menu Utama</p>
 <p>Kemahiran Tahap 1</p>	 <p>Latihan Tahap 1</p>

 <p>Kemahiran Tahap 2</p>	 <p>Latihan Tahap 2</p>
 <p>Kemahiran Tahap 2</p>	 <p>Kemahiran Bacaan</p>
 <p>Kemahiran Tahap 3</p>	 <p>Contoh Audio Bacaan</p>

Rajah 2: Paparan antaramuka E-tajwid yadun

Fasa 5: Penilaian

Fasa penilaian merupakan fasa yang terakhir memfokuskan pada maklum balas daripada pengguna dari segi aspek kebolegunaan dan keberkesanan aplikasi yang telah dibangunkan. Pemerolehan maklum balas akan menggunakan kaedah temubual, soal selidik dan perlaksanaan ujian.

Kesimpulan

Pembelajaran berteraskan penggunaan teknologi pada masa kini amat pesat berkembang. dan menjadi agenda utama pendidikan yang turut memberi kesan dalam pendidikan al-Quran dan tajwid. Oleh yang demikian, pengaplikasian E-tajwid yadun dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah meningkatkan kefahaman ilmu tajwid dengan menggunakan telefon

pintar atau komputer adalah selari dengan kemajuan teknologi kini. Penekanan dan usaha yang berterusan ke arah membantu pelajar untuk lebih fahami tajwid dan mahir membaca al-Quran adalah penting dengan menggunakan pelbagai teknik dan kaedah agar dapat mengurangkan masalah golongan yang tidak boleh membaca al-Quran dengan bertajwid. Malah penggunaan aplikasi yang boleh dipasang di telefon pintar atau komputer harus dijadikan medium utama ke arah menjadikan pembelajaran ilmu tajwid lebih menarik dan menyeronokkan serta lebih mudah di dekati oleh pelajar. Oleh itu, dengan adanya kemudahan aplikasi E-tajwid yadun perlulah digunakan sebaiknya bagi membantu mempercepatkan dan menjimatkan masa yang ada untuk memahami ilmu tajwid yang dipelajari oleh pelajar.

Rujukan

- Al-Quran Al Karim Rasm Uthmani*. (2012). Al Hidayah House Of Qur'an Sdn Bhd.
- Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nurul Huda Hassan, (2019) Pelaksanaan Amalan Talaqqi dan Mushafahah dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *ISLAMIYYAT The International of Islamic Studies* 41(1) 2019: 93 – 98
- Azura Ishak, Zakaria Kasa, Mohd Hasan Selamat & Bahaman Abu Samah. 2009. *Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional ke atas pencapaian Matematik dan Sikap Matematik di kalangan pelajar berisiko*. Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia5 (2009, hlm: 79-89).
- F. Ahmad, S. Z. Yahya, Z. Saad and A. R. Ahmad, (2018). Tajweed Classification Using Artificial Neural Network, *International Conference on Smart Communications and Networking (SmartNets)*, Yasmine Hammamet, Tunisia, pp. 1-4. <http://ieeexplore.ieee.org/stamp/stamp.jsp?arnumber=8707394>
- Haji Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz (2016). *Mudahnya Ngaji Tajwid*. Kajang Selangor: Furqanworks Sdn. Bhd.
- Heinich, R., Molenda, Russel, Smaldino (1996). *Instructional media and technology. Edisi Kelima*. New Jersey: Prentice Hall.
- Herry, Bahirul Amali, (2013). *Agar Orang Sibuk Bisa Menghafal Al-Qur'an*. Yogyakarta: Pro-U Media.
- Hofstetter, F.T. (1995). *Multimedia Literacy*. New York: McGraw Hill.
- Khairiah Razali, dan Ahmad Johari Sihes, (2015) *Teknologi E-Quran Dalam Meningkatkan Penguasaan Tajwid Dalam Kalangan Murid Tahun 3 Sekolah Kebangsaan*. In: *Interdisciplinary ICT Practise Conference 2015 (Persidangan Amalan ICT Antara Disiplin)*, 24 Feb, 2015, Perak, Malaysia. <http://eprints.utm.my/id/eprint/61802/>
- Maizan binti Mat@Muhammad, (2017). *Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif Dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas*. National Pre University Seminar 2015